



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**SAMBUTAN PERAYAAN ZHONGYUAN ATAU YULANPEN OLEH
PENGANUT AGAMA BUDDHA DAN TAO ADALAH TERTAKLUK
KEPADA PEMATUHAN SOP YANG DITETAPKAN**

5 Ogos 2021, Putrajaya – Sambutan Perayaan Zhongyuan atau Yulanpen oleh penganut-penganut agama Buddha dan Tao di **tokong** adalah **dibenarkan dari 8hb Ogos hingga 6hb September 2021** dengan mematuhi SOP pembukaan rumah ibadat selain Islam dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN).

2. **SOP Pembukaan rumah ibadat selain Islam** telah memperuntukkan syarat-syarat bagi PPN secara berfasa seperti berikut:

PPN Berfasa	Syarat-Syarat Nyata Aktiviti Keagamaan di Rumah Ibadat Selain Islam
Fasa 1	a) Hanya 12 Ahli Jawatankuasa Rumah Ibadat sahaja dibenarkan hadir ke rumah ibadat; dan b) Penganut tidak dibenarkan hadir ke rumah ibadat.
Fasa 2	a) Aktiviti keagamaan dibenarkan tertakluk kepada: i. Had kehadiran di rumah ibadat hanya 12 orang sahaja termasuk Ahli Jawatankuasa rumah ibadat ; dan ii. Waktu beroperasi - 6.00 pagi – 2.00 petang - 4.00 petang – 8.00 malam

PPN Berfasa	Syarat-Syarat Nyata Aktiviti Keagamaan di Rumah Ibadat Selain Islam
Fasa 3	<p>a) Aktiviti keagamaan dibenarkan tertakluk kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Had kehadiran di rumah ibadat terhad kepada 50% kapasiti ruang sembahyang rumah ibadat selain Islam. ii. Waktu beroperasi <ul style="list-style-type: none"> - 6.00 pagi – 2.00 petang - 4.00 petang – 10.00 malam

3. Sambutan Perayaan Zhongyuan atau Yulanpen di **halaman rumah kediaman** juga dibenarkan **pada 21hb dan 22hb Ogos 2021** tertakluk kepada ketetapan berikut:

- a) Rumah jenis **kediaman (atas tanah)** boleh melaksanakan **sambutan di halaman rumah** dengan penglibatan ahli keluarga yang tinggal dalam rumah yang sama sahaja; dan
- b) Rumah **kediaman strata pelaksanaan adalah ditetapkan di kawasan yang disediakan** dan penglibatan dihadkan hanya **sepuluh (10) orang maksimum** pada satu-satu masa dengan persetujuan serta pengawasan pihak berkuasa pengurusan strata.

4. Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique menyeru penganut-penganut agama Buddha dan Tao di Malaysia untuk menyambut Perayaan Zhongyuan atau Yulanpen ini dalam norma baharu, sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan dengan memakai pelitup muka, menjaga kebersihan diri dan pastikan penjarakan fizikal dalam usaha kita memutuskan rantaian COVID-19 di Malaysia.

Kementerian Perpaduan Negara

5 Ogos 2021

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (77)